

02 MAR 2001

KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA SABAH DIADAKAN Hujung BULAN INI

KOTA KINABALU, 2 Mac (Bernama) -- Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 yang akan mengupas beberapa isu yang dianggap menjadi batu penghalang terhadap kejayaan usahawan Bumiputera selama ini akan diadakan di sini pada 24-25 Mac ini.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS) Datuk Ahmad Ali Lope Abdul Aziz berkata antara topik dan isu yang akan dibincangkan ialah cabaran dan prospek pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) di Sabah dan impak globalisasi terhadap ekonomi rantau Asean.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijadual akan menyampaikan ucap utama dan merasmikan kongres itu, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya sebanyak sembilan kertas kerja akan dibentangkan diikuti dengan sesi bengkel serta sidang pleno di akhir kongres berkenaan.

Kongres itu yang sepatutnya diadakan November tahun lepas ditunda ke hujung bulan ini.

Beliau berkata setakat ini urusetia kongres telah menerima 650 penyertaan.

-- BERNAMA

HAK RHM